

## ANALISIS KEKERAPAN PENGGUNAAN E-FORUM DALAM KALANGAN PENGUNJUNG LAMAN WEB IPTB

**Dr. Sajap Maswan**

Jabatan Teknologi Pendidikan  
IPGM Kampus Tuanku Bainun

[sajap@iptb.edu.my](mailto:sajap@iptb.edu.my) / [sajap@sajadstudio.info](mailto:sajap@sajadstudio.info)

### ABSTRAK

*Bagi membudayakan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis Jabatan Teknologi Pendidikan Institut Perguruan Tuanku Bainun telah membangunkan ruangan perbincangan secara maya (online) melalui E-Forum IPTB. Tujuan E-Forum IPTB adalah untuk memberi peluang kepada warganya membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan pendidikan dan dunia pendidikan. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat kekerapan penggunaan E-Forum dalam kalangan pengunjung Laman Web IPTB, mengenalpasti kekerapan ruang perbincangan yang paling aktif, melihat kekerapan isu-isu yang dibincangkan di dalam E-Forum IPTB dan melihat sejauh mana peraturan dan etika dalam perbincangan E-Forum IPTB di patuhi. Analisis kekerapan deskriptif yang dijana secara online melalui panel pengurusan (administration panel) telah dilakukan bagi tempoh 10 bulan bermula bulan Januari hingga Oktober 2008. Dapatan menunjukkan bahawa dalam tempoh tersebut E-Forum IPTB telah dikunjungi sebanyak 26,505 kali atau purata 88 pengunjung untuk setiap hari. Pengguna yang berdaftar adalah seramai 87 orang. Dalam tempoh tersebut sebanyak 1,892 pendapat telah di hantar ke E-Forum IPTB. Ruang perbincangan yang paling aktif ialah "Bicara Pelajar" dengan jumlah kiriman (posting) sebanyak 1,355, diikuti ruangan "Sembang-Sembang" sebanyak 160, "Bicara Pensyarah" sebanyak 62 dan "Maklumat Semasa" sebanyak 14. Dalam tempoh tersebut sebanyak 165 isu telah di hantar oleh pengunjung untuk dibincangkan. Lima isu yang paling mendapat perhatian pengunjung ialah; "wajarkah kehadiran ke surau diwajibkan" menerima 220 balasan, "budaya bercouple di maktab" menerima 206 balasan, "siapa JPP di Maktab ni?" menerima 68 balasan, "mana pemimpin kat IPTB ni?" menerima 60 balasan dan "Senior yang kurang sopan" sebanyak 58 balasan. Sebanyak 290 posting atau 15.3% yang dianggap melanggar peraturan dan etika perbincangan telah dapat dikesan sepanjang tempoh tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengunjung ruangan E-Forum IPTB adalah tinggi. Ruang Bicara Pelajar adalah yang paling aktif. Isu-isu yang paling mendapat banyak maklum balas adalah topik-topik yang kontroversi dari luahan rasa tidak puas hati terhadap apa yang berlaku di sekitar kehidupan sebagai pelajar di institut perguruan. Sebahagian pengunjung E-Forum IPTB telah dikesan melanggar peraturan dan etika perbincangan seperti yang telah dipersetujui.*

### **Pengenalan**

Perbincangan secara online melalui E-forum adalah salah satu cara yang boleh digunakan bagi menyediakan tenaga pendidik profesional yang lebih kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah seharian mereka. Selain itu banyak isu yang tidak dapat diselesaikan secara bersemuka telah dapat diselesaikan melalui perbincangan secara maya (Garrison & Anderson, 2003). Kini kita berada di era perlumbaan teknologi maklumat dan komunikasi yang sangat mencabar pemikiran dan kepercayaan. Pada masa ini setiap individu bebas memberikan pelbagai pandangan, sehingga terlalu sukar untuk dikawal. Sebagai pendidik mereka bukan sahaja perlu menyediakan kemahiran untuk mencari maklumat, tetapi yang lebih penting ialah kemahiran untuk memilih pandangan yang benar dan salah. Bagi memastikan tahap pemikiran dan pengetahuan pelajar-pelajar di negara ini terus meningkat dan mampu bersaing di peringkat dunia, Kementerian Pelajaran khususnya Bahagian Pendidikan Guru telah berusaha ke arah menyediakan prasarana dalam bidang ICT. Kini

setiap IPG telah dilengkapi dengan perkhidmatan internet tanpa wayar secara percuma yang dikenali sebagai Jaringan Kampus. Di Institut Perguruan Tuanku Bainun (IPTB), selain daripada Jaringan Kampus, para pelajar dan staf juga boleh mengakses internet melalui talian Streamyx.

### E-Forum IPTB

Tujuan utama E-Forum IPTB adalah untuk memberi peluang kepada warganya membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan pendidikan dan dunia pendidikan. E-Forum IPTB telah dibangunkan oleh Jabatan Teknologi Pendidikan menggunakan perisian aplikasi phpBB yang boleh didapati secara percuma (open source). phpBB merupakan perisian aplikasi sistem papan bulletin (bulletin board system) yang sesuai digunakan untuk mengendalikan perbincangan forum secara online. Ia memberi kemudahan kepada pengendali forum (administrator) untuk menguruskan forum melalui c-panel. Antara kemudahan yang diberikan ialah, seperti mewujudkan kategori perbincangan, mengurus serta mengawal penggunaan forum. Pengendali forum juga boleh melihat statistik berkaitan dengan penggunaan forum melalui c-panel yang dijana secara automatik melalui pengaturcaraan perisian phpBB tersebut.

Gambarajah 1: Laman Web IPTB yang mengandungi Ruang E-Forum IPTB

STATISTICS OVERVIEW			
Administrative statistics		Most active topics	
Most Viewed Topics		Most active topic starters	
Top posting users this week		Top posting users this month	
Top posters		Number of new topics for the last 12 months	
Number of new posts for the last 12 months		Number of new users for the last 12 months	
ADMINISTRATIVE STATISTICS			
Statistik	Nilai	Statistik	Nilai
Jumlah posting	2355	Posting per hari	4.39
Jumlah topik	205	Topik per hari	0.38

Gambarajah 2: Maklumat data statistik penggunaan forum yang dijana melalui c-panel

Forum IPTB menyediakan tujuh ruangan perbincangan iaitu; 1. Bicara Pengarah 2. Bicara Timbalan Pengarah 3. Bicara KUKP 4. Makluman Semasa 5. Bicara Pensyarah 6. Bicara Pelajar dan 7. Ruangan Sembang-Sembang. Pengguna E-Forum IPTB dikategorikan kepada tiga peringkat iaitu; 1. Moderator 2. Ahli berdaftar dan 3. Pelawat. Hanya moderator diberi kebenaran menghantar topik dalam ruangan “Bicara Pengarah”, “Bicara Timbalan Pengarah”, dan “Bicara KUKP”. Sementara untuk ruangan “Makluman Semasa”, “Bicara Pensyarah”, “Bicara Pelajar” dan “Sembang-Sembang” memberi kebenaran kepada semua pengunjung (berdaftar dan tidak berdaftar) untuk menghantar topik serta menjawab topik. Semua ahli komuniti diberikan kebebasan untuk membaca, membalas atau mengirim topik perbincangan baru tanpa perlu menggunakan identiti sebenar dengan syarat tidak melanggar peraturan yang telah dipersetujui. Pengendali dan moderetor forum berhak untuk menyunting atau menyingkirkan maklumat atau bahan yang didapati melanggar peraturan perbincangan.

FORUM	TOPIK	POST	PESAN TERAKHIR
Dari Moderator Forum IPTB Makluman Terkini dari Moderator forum	2	3	Tue Oct 21, 2008 12:13 pm Admin
Bicara Pengarah Makluman Terkini dari Pengarah IPTB Moderator: Moderators	5	5	Tue May 06, 2008 8:28 am hjhrohani
Bicara Timbalan Pengarah Makluman terkini daripada Timbalan Pengarah Moderator: tpengarah	0	0	
Bicara UKP Makluman terkini daripada Unit Khidmat Pengurusan	3	3	Sat Oct 11, 2008 9:20 am Admin
Bicara Pensyarah Ruangan Perbincangan untuk Pensyarah & Staf IPTB Moderator: Moderators	23	69	Wed May 20, 2009 12:10 pm KU KK
Makluman Semasa Pengumuman-pengumuman semasa seperti berita, kursus, aktiviti, ucapan dan sebagainya yang hendak dihabiskan kepada warga IPTB	8	16	Tue Apr 28, 2009 12:32 am nurul
Bicara Pelajar Ruangan perbincangan di kalangan pelajar IPTB tentang pelbagai isu semasa.	115	1743	Tue Jun 30, 2009 8:09 pm silver_wing
Sembang-Sembang Ruangan sembang-sembang tentang apa sahaja topik yang ingin di bincangkan.	41	226	Tue Jun 02, 2009 10:25 am socrates

Gambarajah 3: Ruangan Perbincangan E-Forum IPTB

Username :  Password :  Login otomatis :

**PERATURAN-PERATURAN FORUM IPTB YANG MESTI DIPATUHI**

1. Untuk terlibat di dalam forum IPTB anda **digalakkan** mendaftar sebagai ahli dan menggunakan identiti anda sebenar.
2. Sesuai dengan budaya seorang pendidik anda hendaklah sentiasa menggunakan kata-kata yang penuh berhikmah, kreatif dan kritis.
3. Jangan sesekali menyerang atau mengaibkan individu tertentu.
4. Tunjukkan bahawa anda adalah seorang yang beretika dan bertanggungjawab didalam memberikan pandangan atau teguran.
5. Pihak admin berhak untuk mengedit atau menyekat pandangan yang dianggap tidak beretika dan boleh mengaibkan pihak-pihak tertentu dan juga nama baik institusi.

Sekian, Selamat Berforum. Admin

Gambarajah 4: Peraturan yang perlu dipatuhi oleh komuniti perbincangan E-Forum IPTB

### Pernyataan Masalah

Forum secara maya adalah salah satu teknologi, yang sangat berpotensi sebagai ruang perbincangan dalam kalangan warga IPTB secara kolaboratif dengan lebih efektif pada masa ini. Banyak isu yang mungkin dihadapi oleh warga IPTB tidak dapat dibincangkan secara bersemuka akan dapat diselesaikan melalui perbincangan secara maya. Komuniti IPTB boleh berbincang mengenai isu-isu pendidikan pada bila-bila masa dan di mana sahaja yang

difikirkan sesuai tanpa perlu bersemuka. Walau bagaimanapun banyak kajian yang telah dijalankan terhadap ruang perbincangan secara online yang dibangunkan untuk komuniti pendidik umumnya menunjukkan penyertaan yang sangat rendah (Carboni, 1999; Pomeroy, 1997; Hawkes & Good, 2000; Leach, 2002; Stephens & Hartmann, 2002). Di negara ini antara cabaran utama yang perlu dihadapi, untuk melaksanakan e-pembelajaran ialah dari segi sumbangan dan penglibatan pelajar dalam e-forum (Zoraini Wati, 2005; Norwati Md Yusof & Zaini Amir, 2007). Kajian juga menunjukkan sebahagian besar warga pendidik yang terlibat di dalam perbincangan secara maya telah menggunakan ruangan tersebut untuk membincangkan perkara-perkara yang remeh dan mengandungi maklumat yang kurang tepat. (Hough et al. 2004).

Pada awal tahun 2006, sehingga akhir tahun 2007 E-Forum IPTB adalah lebih tertutup. Hanya ahli yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk membaca, menghantar dan menjawab topik perbincangan. Ahli perlu memasukkan nama pengguna dan kata laluan untuk akses ke ruangan E-Forum IPTB. Sambutan warga IPTB untuk menyertai perbincangan melalui E-Forum tersebut sangat rendah. Sebagai contoh sepanjang bulan Disember 2007 jumlah kiriman ke Ruangan Forum IPTB ialah 0%. Mulai Januari 2008 E-Forum IPTB telah memberi kebenaran kepada semua warganya untuk membaca, menghantar dan menjawab topik untuk ruangan "Makluman Semasa", "Bicara Pensyarah", "Bicara Pelajar" dan "Sembang-Sembang" tanpa perlu memasukkan nama pengguna dan kata laluan. Walau bagaimanapun para pengunjung harus mematuhi peraturan dan etika yang telah ditetapkan oleh pengendali E-Forum IPTB. Pihak moderator berhak untuk menyunting atau menyingkirkan topik-topik yang melanggar peraturan dan etika yang telah dipersetujui. Selepas 10 bulan E-Forum ini dipaparkan di Laman Web IPTB, satu kajian perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana ruangan E-Forum tersebut telah digunakan oleh ahli komuniti IPTB dalam membincang dan menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan pendidikan dan dunia pendidikan.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk;

1. melihat kekerapan penggunaan E-Forum di kalangan pengunjung Laman Web IPTB.
2. mengenalpasti kekerapan ruang perbincangan yang paling aktif
3. melihat kekerapan isu-isu yang dibincangkan di dalam E-Forum IPTB.
4. melihat sejauh mana peraturan dan etika di dalam perbincangan E- Forum IPTB di patuhi

### **Kepentingan Kajian**

1. Dapatan melalui kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran tentang aktiviti E-Forum IPTB kepada pihak pengurusan bagi membuat pertimbangan sama ada ruangan perbincangan seperti ini diperlukan atau sebaliknya pada masa akan datang.
2. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada perekabentuk dan pengendali ruangan e-forum pada masa akan datang.

### **Batasan Kajian**

1. Kajian ini hanya melibatkan isu-isu dalam situasi di Institut Perguruan Tuanku Bainun. Oleh itu dapatan kajian ini tidak menggambarkan fenomena keseluruhan IPG atau situasi di tempat yang lain.
2. Kajian ini hanya dijalankan untuk tempoh Januari sehingga Oktober 2008. Dapatan tersebut hanya menggambarkan situasi yang berlaku dalam tempoh masa yang dikaji dan tidak boleh digeneralisasikan untuk tempoh masa yang lain.

### **Methodologi dan Analisis Data**

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis kekerapan penggunaan dan analisis kandungan perbincangan secara online yang diperolehi melalui pangkalan data E-Forum IPTB. Rumusan data statistik yang diperlukan untuk menjawab tujuan kajian berkaitan dengan kekerapan penggunaan E-Forum IPTB telah diperolehi melalui c-panel yang dijana secara automatik melalui pengaturcaraan perisian phpBB yang digunakan. Isu-isu yang telah dibincangkan dalam E-Forum IPTB telah dianalisis secara kualitatif untuk menentukan kategori dan jumlah kekerapannya. Semua tulisan yang dikirim oleh pengunjung E-Forum IPTB akan dipaparkan dan tersimpan di ruangan perbincangan yang telah disediakan. Hanya pengendali (administrator) atau moderator sahaja yang boleh menyingkir atau menyembunyikan kiriman pendapat yang telah dikirim ke E-Forum IPTB. Bahan yang disingkirkan akan disimpan dalam ruangan "basket" dan hanya boleh dilihat oleh pengendali forum. Kiriman bahan-bahan yang dianggap melanggar peraturan juga telah dianalisis secara kualitatif dan dikira jumlah kekerapannya. Populasi yang terlibat dalam kajian ini ialah komuniti IPTB yang telah melibatkan diri dalam E-Forum IPTB. Data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan statistik keperihalan (diskriptif).

## Dapatan Data Kajian

### 1. *Kekerapan penggunaan E-Forum dalam kalangan pengunjung Laman Web IPTB*

Kekerapan penggunaan E-Forum IPTB bagi tempoh Januari sehingga Oktober 2008, ditunjukkan dalam Jadual 1. Dalam tempoh tersebut E-Forum IPTB telah dikunjungi sebanyak 26,505 kali atau purata 88 pengunjung untuk setiap hari. Pengguna yang berdaftar adalah seramai 87 orang. Dalam tempoh tersebut sebanyak 1,892 pendapat telah di hantar ke E-Forum IPTB.

Jadual 1: Kekerapan Penggunaan E-Forum IPTB bagi tempoh Januari-Oktober 2008

ADMINISTRATIVE STATISTICS			
Statistik	Nilai	Statistik	Nilai
Jumlah posting	1892	Posting per hari	6.35
Jumlah topik	165	Topik per hari	0.55
Jumlah user	87	User per hari	0.29
Mulai Board	Fri 18 Jan 2008 - 15:03	Board up days	298
Latest user registered date	Wed 22 Oct 2008 - 21:53	Latest user registered	CM
Most users ever online date	Fri 12 Sep 2008 - 11:35	Most users ever online	11
Stats generated on	Tue 11 Nov 2008 - 23:33	<b>Jumlah dilihat</b>	<b>26,505</b>

### 2. *Ruang Perbincangan yang paling aktif*

Ruang perbincangan yang paling aktif ialah "Bicara Pelajar" dengan jumlah kiriman (posting) sebanyak 1,355, diikuti ruangan "Sembang-Sembang" sebanyak 160, "Bicara Pensyarah" sebanyak 62 dan "Makluman Semasa" sebanyak 14.

Jadual 2: Kekerapan jumlah kiriman (posting) ke ruangan E-Forum IPTB bagi tempoh Januari-Oktober 2008



FORUM	TOPIK	POST
 <b>Dari Moderator Forum IPTB</b> Makluman Terkini dari Moderator forum	2	3
 <b>Bicara Pengarah</b> Makluman Terkini dari Pengarah IPTB <b>Moderator:</b> Moderators	5	5
 <b>Bicara Timbalan Pengarah</b> Makluman terkini daripada Timbalan Pengarah <b>Moderator:</b> tpengarah	0	0
 <b>Bicara UKP</b> Makluman terkini daripada Unit Khidmat Pengurusan	3	3
 <b>Bicara Pensyarah</b> Ruangan Perbincangan untuk Pensyarah & Staf IPTB <b>Moderator:</b> Moderators	16	62
 <b>Makluman Semasa</b> Pengumuman-pengumuman semasa seperti berita, kursus, aktiviti, ucapan dan sebagainya yang hendak dihebahkan kepada warga IPTB	6	14
 <b>Bicara Pelajar</b> Ruangan perbincangan di kalangan pelajar IPTB tentang pelbagai isu semasa.	107	1355
 <b>Sembang-Sembang</b> Ruangan sembang-sembang tentang apa sahaja topik yang ingin di bincangkan.	26	160

### 3. *Isu-isu yang dibincangkan dalam E-Forum IPTB*

Dalam kajian ini hanya empat ruangan perbincangan telah dianalisis, iaitu “Bicara Pensyarah”, “Makluman Semasa”, “Bicara Pelajar” dan “Sembang-Sembang”. Ini adalah kerana hanya empat ruangan tersebut sahaja yang memberi kebenaran kepada pengunjung Laman Web IPTB mengirim topik. Ruangan “Bicara Pelajar” merupakan ruangan yang paling popular dan menerima kiriman topik yang paling tinggi. Daripada analisis yang dijalankan ke atas ruangan “Bicara Pelajar” isu-isu yang dibincangkan dikategorikan kepada 10 tema seperti di dalam Jadual 3.

Jadual 3: Isu-isu yang dibincangkan di ruangan “Bicara Pelajar”

Bil	Isu/Topik Perbincangan yang dikirim	Kekarapan	Peratus
1	Berkongsi pengetahuan/idea/pengalaman dalam pelbagai bidang	25	23.4%
2	Minta pendapat/pandangan berkaitan isu yang berlaku di institut	15	14.0%
3	Tidak berpuas hati dengan staf/pensyarah/pengurusan institut	14	13.1%
4	Minta pendapat tentang situasi/isu yang berlaku di luar institut/perkara umum	10	9.3%
5	Pengumuman dan maklumat aktiviti di institut	10	9.3%
6	Tidak setuju/tidak berpuas hati dengan rakan-rakan dan pemimpin pelajar	9	8.4%
7	Menceritakan pengalaman yang dialami di institut	7	6.5%
8	Penghargaan kepada rakan/staf/pensyarah/institut	6	5.6%
9	Cadangan kepada pihak pengurusan/institut	6	5.6%
10	Isu peribadi	5	4.7%
	Jumlah	107	100%

Di dalam ruangan “Sembang-Sembang ” isu-isu yang dibincangkan dikategorikan kepada tujuh tema seperti dipaparkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Isu-isu yang dibincangkan di ruangan “Sembang-Sembang”

Bil	Isu/Topik Perbincangan yang dikirim	Kekarapan	Peratus
1	Berkongsi pengalaman di Institut dan selepas bertugas sebagai guru	10	38.5%
2	Meminta pandangan berkaitan situasi di institut	5	19.2%
3	Memberi pandangan berkaitan isu-isu semasa di institut	4	15.4%
4	Cadangan kepada pihak institut	3	11.5%
5	Ucapan/penghargaan kepada pihak institut	2	7.7%
6	Menceritakan masalah peribadi	1	3.8%
7	Mempromosikan perkhidmatan/barangan	1	3.8%
	Jumlah	26	100%

Isu-isu yang terkandung dalam ruangan “Bicara Pensyarah” telah dikategorikan kepada lima tema seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Isu-isu yang dibincangkan di ruangan “Bicara Pensyarah”

Bil.	Isu/Topik Perbincangan yang dikirim	Kekarapan	Peratus
1	Berkongsi pendapat/pandangan berkaitan isu/situasi di institut	7	43.8%
2	Makluman aktiviti semasa di institut	6	37.5%
3	Menceritakan pengalaman di institut	1	6.3%
4	Meminta pendapat/pandangan berkaitan situasi di institut	1	6.3%
5	Ucapan kepada rakan-rakan	1	6.3%
	Jumlah	16	100%

Analisis yang dijalankan ke atas ruangan “Maklumat Semasa” mendapati keseluruhan kiriman (posting) adalah berkaitan dengan pengumuman aktiviti yang dijalankan di institut seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Isu-isu yang dibincangkan di ruangan “Maklumat Semasa”

Bil.	Isu/Topik Perbincangan yang dikirim	Kekarapan	Peratus
1	Maklumat semasa di institut	6	100%
	Jumlah	6	100%

Lima isu yang paling mendapat perhatian pengunjung ialah; “wajarkah kehadiran ke surau diwajibkan’ menerima 220 balasan, “budaya bercouple di maktab” menerima 206 balasan, “siapa JPP di Maktab ni?” menerima 68 balasan, “mana pemimpin kat IPTB ni?” menerima 60 balasan dan “Senior yang kurang sopan” sebanyak 58 balasan. Selain dari itu isu-isu lain yang juga mendapat perhatian pengunjung E-Forum IPTB ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Sepuluh isu yang paling mendapat perhatian pengunjung E-Forum IPTB

MOST ACTIVE TOPICS		
Rank	Balasan	Topik
1	220	wajar ke kedatangan ke surau diwajibkan??
2	206	budaya bercouple di maktab
3	68	siapa JPP kat maktab ni???
4	60	mana pemimpin kat iptb ni
5	58	Senior yg krg sopan
6	54	JOM main...3 patah perkataan...
7	46	tazkirah best2..
8	41	MENU BRBUKA
9	41	cmner nk rptkan hbngn antra snior ngn bbdk jnior.....
10	39	LECTURER MANA YG PALING BEST BAGI KORANG?

#### 4. Ketidak patuhan terhadap peraturan dan etika perbincangan E-Forum IPTB

Pihak moderator, dari masa ke semasa telah membaca topik-topik yang dikirim ke E-Forum IPTB. Topik-topik yang dianggap telah melanggar peraturan perbincangan akhirnya disembunyikan ke dalam ruangan "basket". Ruangan ini tidak dapat dilihat oleh pengguna biasa dan hanya boleh dilihat oleh pengendali forum. Setelah dianalisis sebanyak 290 kiriman atau 15.3% daripada keseluruhan kiriman telah melanggar peraturan dan etika perbincangan. Jadual 7 di bawah adalah antara contoh kiriman (posting) yang dianggap telah melanggar peraturan perbincangan yang telah dipersetujui. Dalam kiriman tersebut pengirim telah cuba menggunakan bahasa-bahasa yang tidak sopan dan cuba menyerang individu dan kumpulan tertentu.

Jadual 7: Contoh kiriman (posting) yang dianggap melanggar peraturan dan etika berforum

The screenshot shows a forum interface with a navigation bar at the top containing links like 'Indeks', 'Gallery', 'Calendar', 'FAQ', 'Pencarian', 'Anggota', 'Group', 'Profil', 'Tak Ada Pesan Baru', and 'Logout'. The main content area displays a thread titled 'staf iptb yg kr aja' in the 'Basket' section. The first post is by user 'cikgu' (Guest) on 25 Sep 2008 at 17:17, containing the text: 'stf yg keje kt stor mmng krng aja.kalo kite minte ape2 buat bodo je.lg2 orgn tnga tnya dia tu x lyn.kite nk jadi cikgu.kite ni bukn ape.hmat le siket.dia tu x pyah hrmt kite x ape biar buat keje dgn gaji yg ditrma olh krjaan.lg2 ade sorg lg yg drvr bus botak.dia pn mmng kurg aja.dh la botak.x kn kepala tu x de otak.balul btul...jgn le buat dosa mcm ni...'. The second post is by user 'ada rambut' (Guest) on 25 Sep 2008 at 19:02, containing the text: 'orang macam kau pun dapat jadi ckgu ye??'. Both posts include 'QUOTE', 'EDIT', and other forum icons.

#### Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sepanjang tempoh kajian dijalankan, kekerapan pengunjung Laman Web IPTB yang mengikuti perbincangan di E-Forum IPTB adalah sangat tinggi. Dalam tempoh 10 bulan E-Forum IPTB telah dikunjungi sebanyak 26,505 kali atau purata 88 pengunjung untuk setiap hari. Pengguna yang berdaftar adalah seramai 87 orang. Dalam tempoh tersebut sebanyak 1,892 pendapat telah di hantar ke E-Forum IPTB. Keadaan ini berlaku kerana pengunjung tidak perlu mendaftar dan bebas memberikan pandangan tanpa perlu bimbang identiti mereka dapat diketahui oleh ahli komuniti yang lain. Keadaan ini dapat dijelaskan melalui graf dalam Jadual di bawah. Bagi bulan Ogos hingga Oktober 2008



(tempoh kajian) kiriman (posting) ke E-Forum adalah jauh lebih tinggi berbanding kiriman bagi bulan November 2008 hingga Februari 2009 (selepas peraturan pendaftaran diperkenalkan semula).

Jadual 8: Jumlah kiriman ke Forum IPTB antara bulan Ogos 2008 hingga Februari 2009

NUMBER OF NEW POSTS FOR THE LAST 12 MONTHS			
Month	Post	Percent	Graph
Aug 2008	203	10%	
Sep 2008	1071	50%	
Oct 2008	388	18%	
Nov 2008	20	1%	
Dec 2008	24	1%	
Jan 2009	141	7%	
Feb 2009	37	2%	

Ruang perbincangan yang paling aktif penyertaannya ialah “Bicara Pelajar” dengan jumlah kiriman (posting) sebanyak 1,355, diikuti ruangan “Sembang-Sembang” sebanyak 160, “Bicara Pensyarah” sebanyak 62 dan “Makluman Semasa” sebanyak 14. Dapatan ini menunjukkan bahawa penyertaan golongan pelajar melalui ruangan “Bicara Pelajar” yang disediakan untuk mereka adalah sangat tinggi. Sebaliknya penyertaan untuk golongan pensyarah di dalam ruangan “Bicara Pensyarah” penyertaannya masih rendah. Ruang perbincangan “Bicara Pelajar” telah mendapat jumlah kiriman (posting) sebanyak 1,355, berbanding dengan kiriman ke ruangan “Bicara Pensyarah” hanya sebanyak 62 sahaja. Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu yang mendapati bahawa penyertaan komuniti guru yang sedang berkhidmat adalah sangat rendah di dalam perbincangan melalui forum secara online (Carboni, 1999; Pomeroy, 1997; Hawkes & Good, 2000; Leach, 2002; Stephens & Hartmann, 2002).

Pelbagai isu telah dibincangkan sepanjang tempoh kajian dijalankan. Antaranya ialah berkongsi pengetahuan dalam pelbagai bidang, meminta dan memberikan pendapat berkaitan dengan isu-isu semasa yang berlaku di dalam atau di luar institut, Forum ini juga telah digunakan sebagai tempat untuk membuat pelbagai pengumuman berkaitan aktiviti yang dijalankan di institut. Seterusnya forum ini telah digunakan sebagai tempat untuk memberikan ucapan dan penghargaan kepada rakan-rakan, pensyarah dan pengurusan institut. Di samping itu forum ini juga telah digunakan untuk meluahkan rasa tidak puas hati terhadap rakan-rakan, pemimpin pelajar, pensyarah staf dan pihak pengurusan institut. Akhirnya forum ini juga telah digunakan untuk meluahkan masalah peribadi dan mempromosikan barangan atau perkhidmatan.

Isu-isu yang paling banyak di hantar ke ruangan forum IPTB adalah berkaitan dengan perkongsian pengalaman, pengetahuan dan idea dalam pelbagai bidang. Di dalam ruangan “Bicara Pelajar” topik-topik berkaitan dengan perkongsian pengalaman ialah sebanyak 23.4%, di ruangan “Sembang-Sembang” sebanyak 38.5% dan di ruangan “Bicara Pensyarah” sebanyak 43.8%. Walau bagaimanapun isu-isu yang berkaitan dengan luahan rasa tidak puas hati terhadap rakan-rakan, pemimpin pelajar, staf, pensyarah dan pengurusan institut telah mendapat maklum balas yang sangat tinggi. Lima isu yang paling banyak menerima maklum balas dari ahli komuniti ialah berkaitan dengan perasaan tidak puas hati dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka. Isu-isu tersebut ialah; “wajarkah kehadiran ke surau diwajibkan” menerima 220 balasan, “budaya bercouple di maktab” menerima 206 balasan, “siapa JPP di Maktab ni?” menerima 68 balasan, “mana pemimpin kat IPTB ni?” menerima 60 balasan dan “Senior yang kurang sopan” sebanyak 58 balasan.

Isu-isu yang telah di hantar untuk dibincangkan dalam forum maya ini, khususnya yang berkaitan dengan rasa tidak puas hati adalah perkara yang benar-benar berlaku dan tidak dibangkitkan di dalam perbincangan secara bersemuka. Kebanyakan mereka percaya bahawa mereka yang terlibat dalam perbincangan secara maya adalah rakan-rakan mereka yang sedang berkursus di institut dan tinggal di asrama yang sama. Watak dan bahasa yang mereka gunakan ketika berbincang di alam maya sangat berbeza dengan bahasa yang digunakan ketika berbincang secara bersemuka. Perkataan yang kasar dan tidak beretika sering digunakan bagi meluahkan rasa marah dan tidak puas hati ketika berbincang di alam maya. Dalam kajian ini dapatan menunjukkan bahawa maklum balas bagi isu-isu kontroversi seperti ini sangat tinggi. Pelbagai pihak telah memberikan maklum balas menurut sudut pandangan masing-masing. Kebanyakan isu yang berkaitan dengan rasa tidak puas hati ini akhirnya telah dapat diselesaikan, setelah mereka mendapat penjelasan yang memuaskan daripada pelbagai pihak yang menyertai perbincangan secara maya. Dapatan ini adalah bertepatan dengan kajian sebelum ini yang menyatakan bahawa banyak isu yang tidak dapat diselesaikan secara bersemuka telah dapat diselesaikan melalui perbincangan secara maya (Garrison & Anderson, 2003). Jadual 9 di bawah adalah antara contoh kiriman dari pihak yang tidak berpuas hati dengan peraturan yang mewajibkan semua pelajar Islam bersolat di surau institut. Jadual 10 pula adalah antara contoh kiriman bagi pihak yang cuba menjelaskan situasi yang sebenar berlaku. Isu ini merupakan topik yang mendapat maklum balas yang paling tinggi (220 balasan) sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Akhirnya masalah ini telah dapat diselesaikan. Semua pihak telah berpuas hati dan berterima kasih antara satu dengan yang lain di alam maya dan kesannya dapat dirasai apabila sambutan pelajar ke surau Al-Ghazali pada bulan tersebut semakin ramai.

Jadual 9: Contoh kiriman yang berbentuk luahan tidak puas hati

**menyampah betul.....**  
 buzen on Wed 10 Sep 2008 - 11:46

soalan dan komen untuk ustaz dan konco2 option pendidikan islam dan bahasa arab...

1. anda semua ni ada adab ke tidak???jgn pikir guru pelatih yang bukan option pendidikan islam je yang baik...lagi satu jgn suka menghukum seseorang kafir!!!!(sedap mulut je))
2. untuk pengetahuan pihak timbalan pengarah, ustaz2 dan konco2.....kami tidak ke surau al-ghazali bukan bermakna kami tidak sembahyang sperti yang anda taksirkan...kami tahu anda berilmu tinggi, tolong jangan buat andaian sendiri sebelum ada bukti.
3. untuk pengetahuan ustaz, kami akan mendapatkan cop dan bukti kehadiran kami di SEMUA MASJID DI SEKELILING IPTB TERUTAMA MASJID MENGKUANG dengan bantuan ketua masjid dan imam....
4. kalau tidak silap saya banyak warden pergi sembahyang di masjid mengkuang..timbalan pengarah pun ada kat sana... so, mengapa mereka tidak tunjuk contoh!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!
5. walaupun anda ada ijazah dan PHD(perasaan hasad dengki) tp jangan letak otak di lutut..please
6. apa beza sembahyang di surau IPTB dengan masjid MENGKUANG????
7. untuk budk pengajian agama dan bahasa arab, tolong jaga sikit mulut tu???
8. mengapa 26 buah institut pendidikan tidak wajibkan berbuka puasa di surau???
9. cara anda berdakwah memang bagus, tapi tak ada adab.....
10. mengapa ustaz mengajar anak-anak didik option pendidikan islam dengan kata-kata kesat dan menyakitkan hati bila menegur orang???? NABI BUAT MCM NI KE???

Jadual 10: Contoh maklum balas keatas isu yang dibangkitkan

**wajib ke surau**  
 Ustaz na on Fri 12 Sep 2008 - 12:33

Assalamualaikum Warahmatullah.  
 Kepada semua tetamu forum iptb, semoga diberkati dan dirahmati.

U tertarik dengan polimik ni dan nak bagi respon sikit seperti berikut :

1. Terima kasih kepada "kool" yang timbulkan isu ni. Ini menunjukkan kita dah memikirkan secara serius perkara yang berkaitan dengan ibadah di bulan ramadhan al-mubarak. Setuju atau tak tu nombor dua. So, u harap teruskan perbincangan,cuma biarlah ia rasional dan terbuka, saling menghormati dan toleransi. Kadang-kadang cinta bermula dari benci, manakala kejahatan melahirkan kebaikan. Tidakkah dosa maksiat membuahkan pahala taubat?
2. Apapun pandangan yang dilontarkan, samada menyokong atau menentang. Apapun ungkapan yang dipilih, samada memuji atau menyakitkan. Yang penting keputusan dan rumusan anda. Harap-harap rumusan dan keputusan anda ialah pada ramadan tahun ini ibadat aku akan meningkat, ramadan tahun ni sangat bermakna serta tidak merugikan diri. Tidak kisah sangat bagaimana anda melakukannya yang penting itulah keputusannya. Amacam?
3. U bertanggungjawab sepenuhnya dengan apa yang berlaku. U yang naik asrama bersama en. Anas dan en. Osman menegur dan menulis nama mereka yang ditemui. U minta maaf kalau apa yg u buat menyebabkan anda kurang selesa, tapi u yakin u buat tindakan yang betul. U setiausaha JK penghayatan Islam IPTB. Hasrat u nak melihat surau al-Ghazali dipenuhi jemaah, setiap ruang disi oleh mereka yang sedang beribadah, Imarahnya sama gah seperti namanya. impian u ingin melihat saat azan dilaungkan anda beramai-ramai ke surau. Di samping tu ukhuwwah kamu terpelihara, cahaya kemesraan hubungan anda terbina di sana. Ini hasrat u yang memandu tindakan u. Rasanya hasrat tu betul. Apa pula hasrat kamu untuk surau al-Ghazali?
4. Akhirnya..Sanggupkah kamu lalu di tepi istana dan biarkannya malap tanpa kamu masuki untuk dihiasi terutamanya di bulan Ramadan. Surau al-Ghazali surau kita. Tanggungjawab ini tanggungjawab kita semua. Jadi. marilah kita wajibkan diri ke surau sebagai persediaan apabila kita diwajibkan ke surau atau masjid apabila tiba ajal . Insyallah.

Salam hormat.  
 Mohd Nazmi bin Desa

Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa kebebasan yang diberikan kepada pengunjung ketika berforum telah mendorong sebahagian daripada mereka (15.3%) telah melanggar peraturan dan etika yang telah ditetapkan. Walaupun kebebasan telah diberikan ketika berforum secara maya, namun sebahagian besar ahli komuniti IPTB (86.7%) masih tetap mematuhi peraturan dan etika yang telah ditetapkan.

### Kesimpulan

Secara keseluruhan dengan memberikan kebebasan (tidak dimestikan mendaftar) untuk terlibat didalam E-Forum IPTB menunjukkan sambutan yang sangat tinggi dalam kalangan pengunjung Laman Web IPTB. Walau bagaimanapun penyertaan di kalangan pelajar adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan penyertaan di kalangan pensyarah. Sebahagian besar isu-isu yang dibangkitkan dalam E-Forum IPTB adalah berkaitan dengan pengalaman dan masalah seharian yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus perguruan. Sebahagian besar isu yang dibangkitkan telah dapat diselesaikan melalui ruangan forum tersebut. Ini membuktikan bahawa E-Forum telah berjaya memberi ruang kepada para pelajar IPTB untuk berfikir dengan lebih kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah yang mereka hadapi melalui perbincangan. Walau bagaimanapun dengan kebebasan yang telah diberikan juga telah mendorong sebahagian ahli komuniti melanggar peraturan dan etika perbincangan yang sepatutnya dipelihara oleh mereka yang bakal menjawat tugas sebagai pendidik.

### Implikasi Kajian

Pengkaji kurang bersetuju dengan cadangan pihak pentadbiran IPTB agar ruangan Forum IPTB ditutup. Cadangan pihak pentadbiran tersebut adalah berdasarkan terdapat kiriman yang telah di hantar ke ruangan E-Forum IPTB telah melanggar peraturan dan etika perbincangan. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa sebahagian besar pengunjung Laman

Web IPTB yang terlibat di dalam E-Forum adalah tinggi terutama golongan pelajar. Mereka telah menggunakan ruangan forum tersebut untuk berkongsi maklumat, pengalaman, dan pendapat yang berkaitan dengan pendidikan dan dunia pendidikan. Banyak permasalahan harian yang mereka hadapi di institut pendidikan telah dapat diselesaikan melalui perbincangan di ruangan forum tersebut. Menutup ruang perbincangan di era dunia tanpa sempadan hanya akan menyekat perkembangan kreativiti dalam menyelesaikan masalah di kalangan pelajar. Menurut Lowenfeld & Brittain (1987), dua halangan kreativiti ialah; Pelajar tidak memperolehi jawapan ke atas persoalan dan kemusykilan yang semamangnya telah wujud di dalam diri mereka dan persekitaran yang menghalang mereka untuk bertanya. Walau bagaimanapun pengkaji mencadangkan kepada mereka yang terlibat di dalam mengendalikan forum secara online agar dapat mencadangkan mekenisme yang dapat digunakan bagi mengurangkan pelanggaran peraturan dan perbincangan pada masa akan datang.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan isu yang berkaitan dengan rasa tidak puas hati telah dapat diselesaikan, setelah mereka mendapat penjelasan yang memuaskan daripada pelbagai pihak yang menyertai perbincangan secara maya. Pengkaji mencadangkan agar satu kajian lanjut berkaitan dengan analisis kekerapan isi kandungan forum secara maya dilakukan bagi menjelaskan lagi dapatan ini.

### **Bibliografi:**

Borg, C. & Gall, M.D. (1989), *Educational Research: An Introduction* (5<sup>th</sup> ed), New York: Longman

Carboni, L. W. (1999). *How might an online discussion forum support teachers' professional development in mathematics? a first look*. Paper presented at the Annual Meeting of the Association of Mathematics Teacher Educators, Chicago, IL.

Garrison, D., & Anderson, T. (2003). *E-learning in the 21st Century*. London: Routledge Falmer.

Hawkes, M., & Good, K. (2000). Evaluating professional development outcomes of a telecollaborative technology curriculum. *Rural Educator*, 21(3), 5-11.

Hough, B., Smithey, M., & Evertson, C. (2004). Using Computer-Mediated

Communication to Create Virtual Communities of Practice for Intern Teachers.  
*Journal of Technology and Teacher Education* 12(3), 361-386

Leach, J. (2002). The curriculum knowledge of teachers: a review of the potential of large-scale, electronic conference environments for professional development.  
*Curriculum Knowledge*, 13(1), 87-120.

Lowenfeld, V. & Brittain, W.L. (1987). *Mental and creative growth*. (7<sup>th</sup> ed.). New York: Macmillan.

Norwati Md Yusof & Zaini Amir (2007). Analisis Deskriptif e-Forum dalam Pembelajaran Kursus Terjemahan di Universiti Kebangsaan Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 7(2), 79-93.

Pomeroy, J. R. (1997). *The Rural Learning Network: A Teaching and Learning Collaborative*. Paper presented at the Annual NREA Convention, Tucson, AZ

Stephens, A., & Hartmann, C. E. (2002). *Using an online discussion forum to engage secondary mathematics teachers in teaching with technology*. Paper presented at the Annual Meeting of American Educational Research Association, New Orleans, LA

Zoraini Wati Abas. (2005). E-learning: Potential and challenges for Malaysian Institutions. *E-learning: Issues and Challenges*.(8-16). Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.